



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KERJASAMA ERAT PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) WANITA DAN KPWKM BANTU REALISASI TMW2018

KUCHING, 28 Januari 2018 – Sesi Perjumpaan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Wanita Sarawak bersama YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini diatur bagi menguar-uarkan program yang telah disusun sempena Tahun Memperkasa Wanita 2018 (TMW 2018).

Tahun 2018 merupakan tahun yang memberi satu pengharapan baru bagi setiap wanita di Malaysia, kerana Tahun 2018 telah diumumkan sebagai Tahun Memperkasa Wanita. Pelaksanaan Tahun Memperkasa Wanita 2018 (TMW18) ini merupakan satu bukti bahawa Kerajaan amat komited dalam mengangkat martabat wanita.

"Bermula pada tahun 2010 sehingga 2017, seramai 808 NGO telah berkolaborasi bersama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan mereka juga merupakan penerima bantuan khas perbendaharaan di bawah kuota wanita. Ini jelaskan menunjukkan kementerian dan juga NGO sentiasa komited bagi memastikan segala agenda dan inisiatif yang dirangka dapat dilaksanakan dengan jayanya", kata YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim.

Menurut beliau lagi, "Dalam melaksanakan TMW18, fokus akan diberikan kepada 5 kluster utama yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara iaitu kesihatan, keselamatan,

ekonomi, kebudayaan, dan pendidikan. Bagi merealisasikan hasrat ini, dianggarkan sebanyak 345 program terkumpul yang direkodkan KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk dilaksanakan sepanjang tahun dalam usaha memperkasakan wanita di peringkat global".

Program yang dihadiri oleh 200 NGO Wanita Sarawak pada hari ini turut dihadiri oleh YBrs. Encik Azman bin Mohd Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Ketua- Ketua Pengarah daripada bahagian dan agensi serta pegawai-pegawai kementerian.

###

Disediakan oleh:	Unit Komunikasi Korporat Institut Sosial Malaysia Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Lot PT 13856, KM 6 Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, Sungai Besi 57100 Kuala Lumpur
Telefon	: 019-3105163 (Zubaidi)/016-8008375 (Hazliza)
Tarikh	: 28 Januari 2018